



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**SYARIKAT DIDENDA KERANA KEGAGALAN MENGHADAPKAN
PENYATA CUKAI PENDAPATAN**

Tarikh: 04 Februari 2021

1. Mahkamah Majistret pada Rabu, 6 Januari 2021, telah menjatuhkan denda sebanyak \$5,000 ke atas dua buah syarikat kerana gagal mengemukakan Penyata Cukai Pendapatan tahunannya.
2. Mahkamah memutuskan denda selepas wakil-wakil bagi Seri Limbang Sdn Bhd dan SPI Transportation and Lifting Services Sdn Bhd mengaku bersalah atas tuduhan-tuduhan tersebut.
3. Kedua-dua pihak Seri Limbang Sdn Bhd dan SPI Transportation and Lifting Services Sdn Bhd telahpun gagal mengemukakan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun Kewangan berakhir pada 31 Disember 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017 seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 52(1) Akta Cukai Pendapatan (Penggagal 35).

Bahagian Hasil
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam